

05 NOV 1996

Parlimen-bahas

BAHASA ARAB HENDAKLAH DIWAJIBKAN KEPADA PENUNTUT ISLAM

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Bahasa Arab patut diwajibkan kepada pelajar Islam di samping bahasa Melayu dan Inggeris sebagai cara mengatasi masalah sosial yang melanda umat Islam di negara ini, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Hajah Ilani Ishak (BN-Kota Baharu) berkata ini ialah kerana ajaran agama Islam yang suci hanya akan dihayati dengan mendalam dengan memahami bahasa Arab.

Ketika membahaskan Belanjawan 1997, beliau berkata lebih 70 peratus kes kekalutan sosial seperti penyakit AIDS, bohsia dan penderaan membabitkan orang Islam sedangkan orang Islam merupakan hanya 51 penduduk negara.

"Ini sangat memalukan, dan dengan peruntukan hampir Rm1 bilion untuk mengembangkan syiar Islam dalam 1997 sebahagiannya patut digunakan untuk mengajar bahasa Arab supaya penghayatan terhadap Islam lebih mendalam lagi," katanya.

Ilani berkata generasi Islam yang akan datang patut dapat menguasai bahasa Melayu, Inggeris dan Arab dan penguasaan ketiga-tiga bahasa ini akan memberikan kelebihan kepada mereka

Tan Kok Wai (DAP-Cheras) pula mencadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) dikeluarkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan menjadi agensi yang bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

Ini ialah untuk menghapuskan gejala rasuah yang melanda negara ini yang membimbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga bercakap panjang lebar mengenainya dalam Perhimpunan Agung UMNO lepas.

"Dengan menjadi sebuah badan yang bebas, BPR akan menjadi badan yang lebih efisien mencegah rasuah dan tidak perlu mengikut telunjuk sesiapa atau tidak akan berlaku sebarang 'cover-up' kes rasuah," katanya.

Jimmy Donald (BN-Sri Aman) pula mencadangkan supaya projek-projek infrastruktur di pedalaman Sarawak diswastakan kerana kawasan itu masih mundur dan masih ramai rakyat tidak menikmati kemudahan itu.

"Projek itu kebanyakannya diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan saya lihat JKR Sarawak tidak begitu berupaya melaksananya mengikut jadual dan akibatnya rakyat terus menderita," katanya.

Chang See Tan (BN-Gelang Patah) berkata perusahaan kecil luar bandar perlu dimodenkan bagi membebaskan penduduknya daripada belenggu kemiskinan.

"Di tengah-tengah keghairahan warga korporat tempatan mengalirkan wang pelaburan ke China, Vietnam, Kemboja, Filipina dan Afrika, mereka juga harus digalakkan melabur di luar bandar untuk memajukan kampung sendiri," katanya.

Chang berkata pembangunan luar bandar tidak seharusnya sekadar menjadi agenda politik menjelang pilihan raya tetapi ia sebenarnya satu cabaran terhadap nilai kemanusiaan dan keadilan sosial yang perlu ditangani dengan bijak dan bersungguh-sungguh.

Beliau juga menyentuih mengenai alam sekitar, dengan berkata penyelidikan kitar semula harus diperluaskan bagi meliputi barang buangan seperti plastik, tin, aluminium dan bukan setakat kertas saja.

Chang berharap kerajaan akan membantu sektor swasta melakukan penyelidikan dan pembangunan bahan buangan.

Sukinam Damo (BN-Batang Sadong) meminta kerajaan supaya tegas dalam pelaksanaan pembangunan dan memastikan setiap pembangunan dijalankan dengan cekap serta melibatkan kawasan luar bandar.

Katanya tidak wajar untuk melihat hanya kawasan bandar dan pinggir

bandar saja yang mengalami kepesatan pembangunan sedangkan banyak isu yang membabitkan prasarana, bekalan air, jalan raya serta kemudahan asas sekolah dan klinik kesihatan di luar bandar masih belum diselesaikan.

Sukinam juga berkata penubuhan sekolah bestari tidak seharusnya ditumpukan di kawasan bandar saja kerana masyarakat luar bandar juga layak menikmati kemudahan itu .

Katanya kekurangan guru terlatih dan guru siswazah di kawasan luar bandar mestilah diberikan perhatian dan usaha mengatasi masalah itu hendaklah dilaksanakan dengan segera.

Dr Maximus Ongkili (PBS-Bandau) berkata langkah kerajaan untuk memperkenalkan standard ISO 9000 di semua peringkat sektor awam adalah baik dan mestilah dilaksanakan dengan memastikan prestasi perkhidmatan asas ditingkatkan terlebih dahulu.

Beliau meminta kerajaan supaya memastikan projek ekonomi, pembangunan dan sosial menekankan prinsip keadilan dengan membabitkan masyarakat luar bandar.

Dr G. Leelavathi (BN-Kapar) meminta kerajaan supaya mengadakan pembelaan yang sewajarnya terhadap kaum India di negara ini bagi membolehkan masyarakat itu maju seiring kaum lain.

Katanya masalah keciciran dalam pelajaran dan gejala sosial seperti hubungan dan ikatan perkahwinan antara wanita India tempatan dan lelaki Bangladesh yang melanda masyarakat India semakin membimbangkan.

Beliau berkata hubungan dengan warga Bangladesh sama ada secara sukarela, dipaksa mahupun diperdaya bukan lagi menjadi masalah individu tetapi telah menjadi masalah sosial yang merosakkan masa depan wanita India dan menjejaskan institusi keluarga.

Ahmad Kamaruzaman Mohamed Baria (BN-Jerantut) dan Hashim Ismail (BN-Ledang) pula menyentuh soal keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda yang, menurut mereka, jika tidak diatasi akan membawa kehancuran kepada negara.

Ahmad Kamaruzaman berkata ada kumpulan lumba motosikal di sesetengah negeri menawarkan hadiah wanita kepada pemenang perlumbaan itu.

"Perbuatan ini sangat jelek dan menggambarkan betapa rendahnya akhlak golongan muda. Usaha yang radikal diperlukan untuk membawa generasi muda kembali ke landasan yang betul," katanya.

Hashim pula berkata kegilaan belia Melayu kepada hiburan jangka pendek menyebabkan mereka ketinggalan dalam banyak aspek terutama pendidikan berbanding belia kaum lain.

Hanya sebilangan kecil pelajar Melayu mendapat ijazah kelas pertama di universiti-universiti tempatan kerana mereka suka hiburan yang bentuk mudah, tidak gemar membaca dan mendengar majlis ilmu dan agama.

Mohamed Khaled Nordin (BN-Johor Bahru) pula mencadangkan sebuah badan bebas ditubuhkan bagi mengkaji sebab pelajar Melayu lemah dalam pelajaran.

Sekolah-sekolah yang gagal mencapai mencatat keputusan membanggakan dalam peperiksaan utama juga harus dikaji.

Beliau mendakwa sebelum ini Kementerian Pendidikan hanya menyoal secara umum mengapa pelajar atau sesebuah sekolah itu tidak mencapai keputusan baik dalam peperiksaan utama.

Beliau turut mencadangkan supaya pusat sains diwujudkan di setiap negeri dan tidak hanya bertumpu di ibu kota sahaja.

Ini bagi menimbulkan minat pelajar untuk mengetahui lebih dekat mengenai perkembangan dalam bidang sains.

Persidangan Dewan disambung esok. --BERNAMA

MT NZ NAK